

**PEMBANGUNAN TANAH WAKAF KHAS DENGAN PEMBANGUNAN
SELAIN APA YANG DINIATKAN OLEH PEWAKAF**



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

**PEMBANGUNAN TANAH WAKAF KHAS DENGAN PEMBANGUNAN
SELAIN APA YANG DINIATKAN OLEH PEWAKAF**

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan pembangunan tanah wakaf khas dengan pembangunan selain apa yang diniatkan oleh pewakaf dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

Hukum bagi pembangunan tanah wakaf khas dengan pembangunan selain apa yang diniatkan oleh pewakaf khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau apa-apa penambahbaikan yang dapat menjamin harta wakaf itu dapat dimanfaatkan adalah **harus** dengan syarat pembangunan itu adalah demi kemaslahatan umat yang ditentukan oleh pemerintah selagi mana tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

[(78) dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]

Tarikh Warta : 20 Januari 2022

Tarikh Keputusan : 4 April 2021